

Tarikh Dibaca: 26 Disember 2025M / 05 Rajab 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“KEBERSIHAN IDENTITI SEORANG
MUKMIN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“KEBERSIHAN IDENTITI SEORANG MUKMIN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَثِيَابَكَ فَطَهَّرُ. وَالرُّجُزَ فَأَهْجُرُ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “KEBERSIHAN IDENTITI SEORANG MUKMIN”.

¹ Al-Muddassir: 4-5.

² Ali-Imran: 102.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Kebersihan dalam bahasa arab sering dikaitkan dengan dua istilah utama iaitu النِّظَافَةُ (*al-nazafah*) dan الطَّهَارَةُ (*al-taharah*), yang masing-masing mempunyai makna dan penekanan yang tersendiri.

Al-nazafah merujuk kepada kebersihan dari sudut luaran dan fizikal, iaitu menjaga tubuh badan, pakaian, tempat tinggal serta persekitaran daripada kotoran, bau yang tidak menyenangkan dan perkara yang menimbulkan ketidakselesaan. Ia berkait rapat dengan adab, kesopanan, keindahan dan kelestarian alam yang dituntut dalam Islam.

Manakala *al-taharah* pula membawa makna yang lebih khusus dan mendalam, iaitu kesucian menurut syarak, bersih dan bebas daripada segala bentuk najis, sama ada najis *hissi* iaitu boleh dilihat dengan mata kasar yang mencemari tubuh dan tempat ibadah, mahupun najis *maknawi* yang merosakkan jiwa seperti dosa, keaiban dan perbuatan maksiat. Dalam hal ini, *taharah* adalah suatu bentuk *ta'abbud*, iaitu kepatuhan seorang hamba kepada perintah Allah SWT secara mutlak, sama ada difahami hikmahnya ataupun tidak.

Islam menjadikan *taharah* sebagai syarat sah bagi ibadah-ibadah tertentu seperti solat dan tawaf, sekali gus mendidik umat dengan nilai ketertiban, disiplin dan kepatuhan terhadap aturan syariat. Setiap basuhan dalam wuduk, setiap langkah bersuci, mengajar seorang mukmin agar patuh kepada ketetapan Allah SWT secara tertib, sempurna dan beradab, bukan semata-mata mengikut hati atau kefahaman akal yang terbatas.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Allah SWT menyatakan dalam firman-Nya bahawa Dia mengasihi hamba-hamba-Nya yang suka untuk membersihkan diri.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 222:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ.

"Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri".

Dalam tafsir al-Qurtubi menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan golongan *al-mutatahhirin* iaitu orang yang sentiasa mensucikan diri adalah suci daripada sebarang kekotoran fizikal dan juga suci daripada sebarang dosa. Ini bermakna, Islam menekankan kebersihan pada aspek rohani dan juga jasmani. Hal ini kerana kebersihan itu menyempurnakan keimanan seseorang Muslim. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Malik al-Asy'ari *Radiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

"Bersuci itu adalah sebahagian daripada kesempurnaan iman".

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Pengarang kitab *Fiqh al-Manhaji* menjelaskan bahawa salah satu hikmah utama diwajibkan bersuci ialah kerana ia selaras dengan fitrah manusia. Secara semula jadi, manusia sememangnya suka kepada keindahan dan kebersihan. Oleh sebab itu, Islam sebagai agama yang selari dengan fitrah manusia memerintahkan setiap individu mukmin agar sentiasa menjaga kebersihan dan memelihara kesucian diri.

Selain itu, dengan menjaga kebersihan juga dapat memelihara kemuliaan dan maruah seorang mukmin. Kebiasaannya, kita akan menghormati mereka yang pandai mengurus diri dan menjaga kebersihan. Kita akan berasa selesa untuk duduk, berbicara, dan berurusan dengan individu sebegini. Sebaliknya, sikap mengabaikan kebersihan pasti akan menyebabkan seseorang itu dijauhi dan kehadirannya kurang disenangi.

Nabi SAW pernah memberitahu para sahabat sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan daripada Sahl bin Hanzaliyyah al-Ansari *Radiallahuanhu* bahawasanya baginda SAW bersabda:

إِنَّكُمْ قَادِمُونَ عَلَى إِخْوَانِكُمْ فَأَصْلِحُوا رَحَالَكُمْ، وَأَصْلِحُوا
لِبَاسَكُمْ حَتَّى تَكُونُوا كَأَنَّكُمْ شَامَةٌ فِي النَّاسِ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا
يُحِبُّ الْفُحْشَ، وَلَا التَّفَحُّشَ

"Kamu akan berjumpa dengan sahabat-sahabat kamu, maka perkemaskanlah kenderaan dan pakaianmu sehingga kamu kelihatan menarik dan disenangi oleh orang ramai. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada perkataan dan perbuatan yang keji dan keterlaluan."

(Riwayat Abu Daud).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Daripada sudut kesihatan dan kesempurnaan ibadah, tubuh manusia yang bersih, kerap kali dibasuh dan dijaga dengan wuduk serta mandi dapat dijauhkan daripada pelbagai penyakit. Anggota yang sering terdedah kepada kotoran seperti tangan, muka, kaki dan hidung, jika sentiasa dijaga dalam keadaan bersih akan membantu mengekalkan kesihatan dan mengurangkan risiko penyakit berjangkit. Ini menunjukkan bahawa syariat bersuci bukan hanya soal ritual ibadah, tetapi juga memberikan manfaat dalam penjagaan kesihatan.

Disebutkan juga antara hikmah yang lain, kebersihan membolehkan seorang mukmin mendirikan solat menghadap Allah SWT dalam keadaan suci zahir dan batin. Oleh itu, seorang mukmin dituntut menyucikan zahirnya dengan wuduk dan pakaian yang bersih, serta menyucikan batinnya dengan hati yang bebas daripada dosa, hasad dan sifat-sifat mazmumah, agar ibadahnya lebih khusyuk dan bernilai di sisi Allah SWT.

Saudaraku Sidang Muslimin yang dimuliakan,

Melihat realiti keadaan hari ini, jelas masih wujud sikap memandang ringan terhadap tuntutan kesucian dan kebersihan. Lihat sahaja di tandas-tandas awam masih dicemari najis yang tidak dibersihkan, sampah dibuang sesuka hati di jalan raya, bau yang tidak menyenangkan di premis-premis rumah kedai, bahkan adab kebersihan di masjid dan tempat awam yang lain semakin terhakis.

Sesungguhnya perbuatan mencemar dan merosakkan ini mencerminkan sikap dangkal, jahil, dan mementingkan diri sendiri, bukannya cerminan ajaran Islam yang sebenar. Seorang mukmin yang iman dan akhlaknya selari dengan tuntutan Islam tidak akan mengabaikan kebersihan, malah sentiasa berusaha menunaikan tanggungjawab menjaga keselesaan dan hak orang lain.

Kita yakin dan percaya, dengan kesungguhan, integriti dan usaha berterusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengurus kebersihan negeri ini, akan mewujudkan panorama yang indah dan suasana yang bersih lagi kondusif, selaras dengan prinsip dan identiti Islam. Kelengkapan dan sistem perkhidmatan perlu sentiasa dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi, manakala tadbir urus yang berasaskan perancangan, analisa dan pemantauan rapi perlu dilaksanakan demi menjaga kebersihan persekitaran dan keselesaan masyarakat.

Oleh itu, tunaikanlah amanah yang diberikan dengan sebaiknya. Ingatlah ancaman Baginda SAW kepada mereka yang tidak menunaikan amanah sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا
أُؤْتِمِنَ خَانَ

"Petanda orang munafik itu ada tiga: Apabila dia berbicara dia berdusta. Apabila berjanji dia mungkir. Apabila dia diberikan amanah dia khianati".

(Riwayat al-Bukhari).

Menarik untuk kita renungkan, di beberapa negara sebelah Timur, aspek kebersihan dan pengurusan persekitaran sangat diberi perhatian. Hal ini seharusnya menyedarkan kita bahawa nilai-nilai tersebut sebenarnya telah lama diajar dalam Islam. Sebagai umat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup, sewajarnya kita lebih ke hadapan dalam mengamalkan kebersihan zahir dan batin. Kesemuanya ini hakikatnya mencerminkan keperibadian individu dan masyarakat mukmin.

Para tetamu Allah SWT yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman kehidupan kita:

1. Kita hendaklah menjadikan kebersihan dan kesucian sebagai penghayatan iman yang menyeluruh, dengan memelihara kebersihan diri, pakaian, tempat ibadah dan persekitaran, kerana daripadanya terpancar keindahan akhlak seorang mukmin.
2. Kita hendaklah bersama-sama dengan pihak bertanggungjawab bekerjasama erat atas dasar kesedaran dan sikap tanggungjawab, agar usaha menjaga kebersihan persekitaran dapat dilaksanakan secara berterusan dan memberi manfaat kepada semua.
3. Kita hendaklah prihatin terhadap kesejahteraan dan hak orang lain, dengan menjaga kebersihan, adab dan tingkah laku agar kehadiran kita membawa kebaikan dan menjadi syiar keindahan ajaran Islam dalam kehidupan bermasyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا. وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا.

"Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh. Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat)."

(Surah al-Syams: 9-10).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kurniakanlah ganjaran pahala kepada pembayar zakat, berkatilah umur dan harta mereka, gantikanlah zakat yang mereka tunaikan dengan perkara yang lebih baik, serta jadikanlah ia sebagai penyuci daripada segala dosa.

Ya Allah! bukakanlah hati umat Islam yang layak menunaikan zakat agar melaksanakan tuntutan kefarduan terhadap harta mereka. Jauhkanlah kami daripada sifat bakhil, suburkanlah rasa kasih sayang dan satukanlah hati-hati kami dalam kebaikan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.